

EMCcenter UTHM bertaraf dunia

Oleh **MUHAMAD AIMY AHMAD**
utusan.johor@gmail.com

■ BATU PAHAT 17 FEB.

MAKMAL Keserasian Elektromagnet (EMCcenter) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menjadi makmal pertama institusi pengajian tinggi di negara ini yang mendapat pengiktirafan antarabangsa sebagai makmal bertaraf dunia.

EMCcenter yang terletak di bawah Pusat Penyelidikan Elektromagnet Gunaan menerima Sijil Akreditasi MS ISO/IEC 17025 di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM), Jabatan Standard Malaysia berkuat kuasa selama tiga tahun mulai 15 Disember tahun lalu.

Ketua EMCcenter, Prof. Dr. Mohd. Zazar Mohd. Jenu berkata,

makmal tersebut telah menjalani tiga proses audit sebelum di-anugerahkan akreditasi berkenaan untuk memastikan pengujian Keserasian Elektromagnet (EMC) yang dijalankan adalah kompeten dalam aspek pengurusan dan teknikal.

“Kami terlibat aktif dalam pengujian dan kajian kesan gelombang elektromagnet terhadap peralatan dan manusia selain merancang meluaskan skop pengujian meliputi komponen automotif dan pertahanan pada masa hadapan,” katanya dalam satu kenyataan, di sini baru-baru ini.

Mohd. Zazar berkata, laporan pengujian yang dikeluarkan oleh EMCcenter kini boleh diguna pakai oleh pelanggan untuk tujuan mengeksport produk elektrik dan elektronik ke pasaran antarabangsa seperti Eropah, Amerika dan

Jepun.

“Hasrat EMCcenter adalah untuk menyokong pertumbuhan industri elektrik dan elektronik di Malaysia dengan menyediakan prasarana canggih dan sumber manusia kompeten untuk memastikan produk keluaran kita dapat menembusi pasaran antarabangsa.

“Kami turut berharap kerajaan dapat menyediakan geran bagi pembinaan bangunan dan peralatan yang diperlukan untuk membolehkan EMCcenter mempunyai pengurusan yang berkualiti dalam memastikan laporan pengujian yang dikeluarkan adalah berwibawa,” katanya.

Selain Mohd. Zazar, antara kakitangan yang terlibat dalam menjayakan akreditasi itu ialah Mohd. Rostam Anuar, Mohd. Erdi Ayob, Sharifunazri Johadi dan Miskiah Muhamad Ihsan.